PERAK CULINARY ARTS ACADEMY
@ KOLEJ KOMUNITI CHENDEROH

HEBAHAN MEDIA

BARISTA HUFFAZ MEGA WORKSHOP: MEMPERKASA HUFFAZ DENGAN KEMAHIRAN TVET DAN KEUSAHAWANAN

TAMBUN, 27 Oktober 2026 – Seramai 200 peserta daripada enam Maahad Tahfiz di Negeri Perak menyertai program *Barista Huffaz Mega Workshop 2026* yang berlangsung di Maahad Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat Addin 7, Tambun, hari ini, sebagai usaha memperkasa kemahiran Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam kalangan pelajar tahfiz.

Program anjuran Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat, Perak Culinary Arts Academy @ Kolej Komuniti Chenderoh (PCAA@KKCP), Kementerian Pendidikan Tinggi dengan kerjasama Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) itu merupakan antara 15 inisiatif yang dilaksanakan sempena Sambutan Sedekad Sinergi Melakar Legasi Pendidikan Islam Sepanjang Hayat Negeri Perak 2026.
Pengarah Program Sedekad Sinergi Melakar Legasi Pendidikan Islam Sepanjang Hayat Negeri Perak 2026, Mohd Rashidi bin Omar, berkata program Barista Huffaz merupakan antara usaha strategik untuk memperkukuh kerjasama antara Kolej Komuniti Negeri Perak dengan JAIPk yang telah terjalin selama sedekad. Menurut beliau, kerjasama tersebut bukan sahaja memberi tumpuan kepada pengembangan ilmu Pendidikan Islam, malah turut membuka ruang kepada pelajar tahfiz untuk memperoleh kemahiran teknikal dan vokasional yang boleh dimanfaatkan dalam kehidupan serta kerjaya mereka.

“Program Barista Huffaz merupakan antara 15 inisiatif yang dilaksanakan sempena sambutan sedekad kerjasama Kolej Komuniti Negeri Perak dengan JAIPk. Inisiatif ini membuktikan bahawa pendidikan tahfiz boleh diperkasakan melalui integrasi kemahiran TVET, sekali gus melahirkan huffaz yang berilmu, berkemahiran dan berpotensi dalam bidang keusahawanan,” katanya.

Program tersebut memberikan pendedahan kepada peserta tentang pengenalan kopi, asas penyediaan minuman berasaskan kopi dan pengendalian mesin espresso. Kemahiran ini diharap dapat membantu peserta meneroka peluang pekerjaan serta membangunkan perniagaan dalam industri makanan dan minuman, khususnya bidang kopi dan perkhidmatan barista.

Turut hadir memeriahkan program ialah Pengarah Perak Culinary Arts Academy @ Kolej Komuniti Chenderoh, Ts. Niza Asyadi bin Hamzah, dan Timbalan Pengarah Akademik, Puan Siti Nazha Naan. Kehadiran pihak pengurusan institusi berkenaan mencerminkan sokongan terhadap usaha memperluas akses latihan kemahiran

TVET kepada komuniti tahfiz melalui pendekatan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH).

Bengkel berkenaan dikendalikan oleh empat tenaga pengajar PCAA@KKCP, iaitu Encik Muhammad Najib bin Jamil dan Encik Shahrul Hafiz bin Haji Sabri daripada Program Operasi Perhotelan, serta Puan Zuriani binti Zulkafli dan Encik Norkamarul Arifin bin Kamarudin daripada Program Kulinari.

Penganjuran program ini turut memperlihatkan kepentingan sinergi antara institusi pendidikan, agensi agama dan institusi tahfiz dalam menyediakan peluang pembelajaran yang relevan dengan keperluan semasa. Pendekatan berasaskan latihan praktikal dapat membantu peserta meningkatkan keyakinan diri, mengembangkan kreativiti serta mengenal pasti potensi dalam bidang keusahawanan.

Sambutan Sedekad Sinergi Melakar Legasi Pendidikan Islam Sepanjang Hayat Negeri Perak 2026 menjadi wadah untuk meraikan perjalanan kerjasama antara Kolej Komuniti Negeri Perak dengan JAIPk melalui pelaksanaan pelbagai program pembangunan kemahiran, pemindahan ilmu dan pemerkasaan komuniti.

Melalui inisiatif seumpama ini, golongan huffaz diharap bukan sahaja cemerlang dalam hafazan al-Quran, malah memiliki kemahiran praktikal yang dapat membantu mereka membina masa depan lebih berdikari, berdaya saing dan menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat.

Pengarah Perak Culinery Arts Academy@Kolej Komuniti Chenderoh Ts. Niza Asyadi Bin Hamzah merakamkan ucapan tahniah kepada Unit Pendidikan Sepanjang Hayat kerana berjaya dalam kerjasama dengan JAIPk sepanjang 10 tahun. Semoga kerjasama ini akan dapat diteruskan pada masa hadapan.

Sekian.

Disediakan oleh
Unit Komunikasi Korporat
Perak Culinary Arts Academy@Kolej Komuniti Chenderoh

Tarikh: 30 Oktober 2026

BARISTA HUFFAZ
MEGA WORKSHOP

BARISTA HUFFAZ
MEGA WORKSHOP

BARISTA HUFFAZ MEGA WORKSHOP
SEDEKAD SINERGI MELAKAR LEGASI PENDIDIKAN ISLAM SEPANJANG HAYAT NEGERI PERAK 2026

BARISTA HUFFAZ MEGA WORKSHOP
SEDEKAD SINERGI MELAKAR LEGASI PENDIDIKAN ISLAM SEPANJANG HAYAT NEGERI PERAK 2026

BARISTA HUFFAZ
MEGA WORKSHOP
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
Sempena
SEDEKAD SINERGI MELA GASI
PENDIDIKAN ISLAM SEPA G HAYAT
NEGERI PERAK 2026
OKTOBER 2026 | 16 JAMADILAW
ahad Tahfiz Al-Quran Wal Qira
nbun Perak
Pembelajaran Sepanjang Hayat

PROMAC

BARISTA
HUFFAZ
MEGA
WORKSHOP

Poster Program

Tenaga pengajar dan urus setia yang terlibat